

# Skandal BMF berlaku kerana pentadbir abai matlamat tubuhnya – PM

UM 25 OCT 1990

KUALA LUMPUR 24 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata malam ini, skandal BMF berlaku kerana para pentadbiran Bank Bumiputra di masa dahulu mengabaikan matlamat utama penubuhannya iaitu untuk mengatasi masalah kewangan kaum bumiputera.

Menurutnya, soal untuk menjadikan bank ini sebagai bank tempatan yang terbesar adalah perkara yang kedua.

Perdana Menteri mengingatkan semua pihak bahawa penyimpangan Bank Bumiputra daripada matlamat untuk membantu peniaga bumiputeralah yang menyebabkan berlakunya skandal BMF.

Berucap di majlis makan malam sempena sambutan ulang tahun ke 25 Bank Bumiputra di Hotel Shangri-La di sini malam ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menambah sehubungan dengan ini kerajaan berharap pihak pengurusan dan kakitangan bank berkenaan akan menyedari pentingnya memastikan ia terus kukuh.

Katanya, asas pemulihan bank itu setelah mengalami kejutan akibat skandal dan peristiwa penyelewengan BMF sudahpun menunjukkan kesan yang baik.

"Oleh itu dalam usaha memajukan masyarakat bumiputera, bank ini hendaklah mengkaji pendekatannya supaya bumiputera sendiri menjadi lebih faham akan kemudahan yang boleh diberi olehnya," kata beliau.

Sambil menyebut Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebagai sebuah institusi yang berjaya meningkatkan kefahaman bumiputera dalam bidang pelaburan,

Perdana Menteri juga mahukan Bank Bumiputra mengambil langkah yang serupa.

Katanya, Bank Bumiputra harus membentuk unit-unit yang boleh memberi penjelasan kepada golongan bumiputera tertentu seperti peniaga kecil dan orang yang berpendapatan rendah agar mereka lebih memahami bagaimana hendak menggunakan kemudahan bank.

Beliau juga menasihati pihak pengurusan bank supaya menubuh lebih banyak cawangan di kawasan luar bandar.

## Etika

Tambahnya, di samping itu, etika bank hendaklah diperluaskan bukan sahaja di kalangan pegawai dan kakitangan tetapi juga di kalangan pelanggan.

"Ada bukti yang menunjukkan bahawa sebahagian daripada masyarakat di Malaysia tidak memandang berat terhadap menepati janji bila berhutang.

"Kerana mereka ini mungkir janji, seluruh masyarakat telah kehilangan kredibiliti dan terpaksa berhadapan dengan masalah," katanya.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, apa yang penting ialah pihak

pengurusan dan kakitangan bank ini hendaklah memperbaharui azam dan tekad untuk memenuhi impian serta harapan besar rakyat bumiputera yang mengasaskan penubuhan bank ini.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri juga berkata mandat yang diberi oleh rakyat kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya umum kelapan Ahad lalu menggambarkan aspirasi sebenar masyarakat terhadap sebuah kerajaan berbilang kaum.

"Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penyokong BN terutamanya penduduk luar bandar yang pada umumnya terus menyokong BN," katanya.

Nampaknya, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, mereka di luar bandar lebih arif tentang perlunya ditubuhkan sebuah kerajaan berbilang kaum yang kukuh untuk mentadbir negara majmuk seperti Malaysia ini.

"Insya-Allah kerajaan BN akan terus mentadbir negara ini dengan penuh tanggungjawab dan berwibawa bagi menentukan negara terus aman, stabil dan makmur," ujar Perdana Menteri.